

463 pelajar baru daftar masuk UPMET

SERDANG: Seramai 463 pelajar baru kemasukan Semester Pertama 2012/2013 dari seluruh negara mendaf- tar bagi Program Pendidikan Jarak Jauh (PJJ) Universiti Putra Malaysia Education and Training Sdn Bhd (UP- MET), semalam.

Bagi sesi baru ini, UPMET

adalah satu anak syarikat UPM Holdings menawarkan tempat bagi 13 program dalam Diploma, Ijazah Sarjana Muda dan Ijazah di seluruh negara.

Majlis itu dihadiri Penge- rusi Lembaga Pengarah UP- MET, Tan Sri Dr Nik Mus- tapha R Abdullah dan Ketua

Pegawai Eksekutif UPMET, Dr Abdul Aziz Saharee.

Bagi pasangan suami isteri, Alia Fatma Bostanoordin, 28, dan Mohd Zikri Mo- hamad Zabhi, 29, melanjut- kan pengajian dalam ijazah Pengajaran Bahasa Melayu sebagai Bahasa Pertama, di universiti berkenaan bukan

satu halangan bagi mereka walaupun mempunyai dua anak kecil.

Menurut Alia, guru Bahasa Malaysia di Sekolah Mene- ngah Kebangsaan (SMK) Pe- rempuan Jalan Ipoh, dia ber- sama suami sudah lama me- nyimpan hasrat untuk me- nyambung pengajian mere-

ka hingga tamat ijazah sar- jana.

“Bagaimanapun, saya dan suami yang juga guru Bahasa Malaysia di SMK Lelaki Me- thodist terpaksa menangguh cita-cita itu kerana meng- hadapi beberapa kekangan selain baru berkerja,” kata- nya.